

Tafsiran baru 'Orang Melayu'

KUALA LUMPUR, Selasa — Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini memberi jaminan bahawa tafsiran baru istilah "Orang Melayu" yang dalam kajian Kerajaan sekarang tidak akan menjejaskan hak rakyat Bumiputera lain.

Katanya, Kerajaan akan menetapkan istilah "Orang Melayu" yang praktikal bagi melindungi hak orang Melayu dalam bidang ekonomi sahaja.

"Rakyat Bumiputera dari keturunan lain juga akan mendapat hak yang sama apabila istilah baru ini dislapkan kelak," katanya selepas menerima kunjungan Menteri Luar merangkap Menteri Pertahanan Tonga, Encik Tupouto'A Tupou, di pejabatnya pagi tadi.

Katanya, tafsiran baru "Orang Melayu" ini tidak akan meninggalkan kesan politik negatif kerana hak-hak orang Melayu dalam bidang politik telahpun dijelaskan dalam Perlembagaan Negara.

Selain itu, Datuk Seri Dr. Mahathir juga memberitahu satu tafsiran rasmi bagi istilah Bumiputera juga perlu dibuat.

"Setakat ini masih belum ada tafsiran rasmi mengenai istilah Bumiputera," katanya.

Katanya, tafsiran ini akan dapat melindungi hak semua rakyat Bumiputera, selain orang Melayu, dari

'Tidak jejas orang lain'

Oleh YUNUS SAID

dieksploitasi oleh lain-lain rakyat sama ada Bumiputera atau bukan Bumiputera.

"Dengan lain perkataan, tafsiran baru ini akan melindungi semua Bumiputera dari kemungkinan dirampas harta kekayaan mereka oleh Bumiputera sendiri," tambahnya.

Mengkaji

Minggu lalu, semasa mempengerusikan Persidangan ke 83 Majlis Tanah Negara, Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan, terdapat beberapa kes Rizab Melayu dijual kepada institusi yang majoriti ekuitinya dipegang oleh

Bumiputera, di samping ada pula tanah simpanan Melayu didiami oleh bukan Melayu.

Bellau menegaskan, dalam hal itu, Kerajaan akan memperinci sama ada perkara itu sah dari segi undang-undang dan juga mengkaji apakah kesan-kesannya.

Katanya, tafsiran baru akan dibuat terhadap siapa yang layak dikenali sebagai orang Melayu atas syarikat-syarikat yang milik ekuitinya dipunyai oleh orang Melayu.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menjelaskan, undang-undang sekarang mungkin menjejaskan kepentingan Bumiputera jika ketentuan tidak dibuat terhadap tafsiran itu, terutama sekali apabila hak milik orang Melayu menjadi syarikat.

Katanya, tafsiran baru itu akan merupakan usaha Kerajaan untuk menyekat orang luar atau Bumiputera sendiri merampas kekayaan yang ada pada kaum Bumiputera.

Mengena i perbincangannya dengan Encik Tupouto'A Tupou, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, beliau telah memberi jaminan kepada pemimpin Tonga itu, Malaysia akan memberi bantuan dalam bidang latihan pegawai penyiaran, pegawai kanan kerajaan dan juga pertukaran pegawai pegawai Tentera Laut antara kedua negara.

"Kita juga bersedia meminjamkan pakar-pakar di bidang kebudayaan dan pertanian kepada Tonga," tambahnya.

Pemimpin Tonga itu berlepas ke Singapura tengahari tadi.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia